

PENGISHTIHARAN HARI WANITA  
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU  
PADA  
25 HARBULAN OGOS 1962.



HARI WANITA

PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

Dengan nama Allah yang amat murah dan mengasehani,  
Kami atas nama seluruh Kaum Wanita Persekutuan Tanah Melayu, dengan persetujuan dan rundingan telah sa-bulat kata MENGISHTIHARKAN 25 HARBULAN OGOS SABAGAI HARI WANITA PERSEKUTUAN TANAH MELAYU.

Kami Kaum Wanita Persekutuan Tanah Melayu mengaku ta'at setia kami yang tidak berbelah bagi kepada Negara Persekutuan Tanah Melayu ini.

Kami Kaum Wanita Persekutuan Tanah Melayu mengaku sa-penoh<sup>2</sup> ta'at setia kami ka-bawah Duli<sup>2</sup> Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.

Kami Kaum Wanita Persekutuan Tanah Melayu akan berkhidmat bersungguh<sup>2</sup> demi kepentingan Negara Persekutuan Tanah Melayu.

Kami Kaum Wanita Persekutuan Tanah Melayu akan berusaha meningkatkan didekan rohani dan jasmani masyarakat seluruh-nya.

Kami Kaum Wanita Persekutuan Tanah Melayu akan berusaha ka-araf persamaan dan keadilan yang penoh dalam lapangan Siasal, Iktisad dan Masharakat.

Kami Kaum Wanita Persekutuan Tanah Melayu akan menbantu tenaga bersama<sup>2</sup> dengan kaum lelaki untuk membena Keamanan, Kema'moran dan Persafahaman antara segala bangsa.

Kami Kaum Wanita Persekutuan Tanah Melayu akan mempertahankan Piagam Bangsa<sup>2</sup> Bersatu mengenai Hak<sup>2</sup> Asasi Ma'anusia.

Kami Kaum Wanita Persekutuan Tanah Melayu dengan i'tikad yang tegoh ka-hadhrat Tuhan ber'azam akan menumpu-kan segala usaha kami berkhidmat demi kepentingan ma'anusia seluruh-nya.

Oleh itu hal<sup>2</sup> yang berkaitan dengan perkara yang tersebut di-atas akan di-selenggarakan dengan seboleh<sup>2</sup>-nya demi kepentingan Kaum Wanita seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Semoga Allah memberikan pertunjok kepada jalan yang benar.

A M I N,  
(Datin Fatimah binti Haji Hashim)  
Pengerusi,  
(Puan F. R. Bhupalan)  
Setia Usaha Agong.



Di- Resmikan oleh

DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA

RAJA PERMAISURI AGONG

KUALA LUMPUR.

PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

25hb. Ogos, 1962.

HARI WANITA

PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

Di- Resmikan oleh

DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA

RAJA PERMAISURI AGONG

di-

Stadium Merdeka

KUALA LUMPUR.

PERSEKUTUAN TANAH MELAYU'

Pada 25hb. Ogos. 1962.

MU'TAMAR WANITA

di -

Dewan Bahasa Dan Pustaka

PERTUBOHAN2 YANG MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM HARI WANITA

rtubohan Perumpulan Perempuan P.T.M.	Pegerakan Kaun Ibu U.M.N.O.
.C.A. Bahagian Wanita	Persatuan Wanita Keristian di-Malaya
swan Muslimat Parti Islam sa-Malaya	Persatuan Lei Chee Wanita China
I.C. Bahagian Wanita	St. John Ambulance Brigade P.T.M.
rsatuan Wanita Pan Pacific South East Asia	S.I.A. Bahagian Wanita
rsatuan Jururawat P.T.M.	Parti Raayat bahagian Wanita P.T.M.
anita Polis di-Raja Persekutuan	Kelab Wanita Internasional
rsatuan Pemuda2 India	Kesatuan Guru2 Perempuan P.T.M.





DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA  
RAJA PERMAISURI AGONG

## PERUTUSAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG

Sejak berkurun-kurun lama-nya kaum wanita kita telah mengambil bahagian dan memainkan peranan2 penting dalam membena kehidupan dan membangunkan Negara kita, oleh hal yang demikian sudah sa-wajarnya-lah kita sa-bagai satu Bangsa yang merdeka meraya dan menghormat Hari Wanita ini.

Beta berharap dan berdo'a mudah-mudahan Perhimpunan hari ini akan menjadi suatu tenaga pendorong dan penggerak kepada seluruh kaum wanita Malaya untok bersatu padu dan bergerak lebeh chergas lagi dalam segala lapangan pembangunan Tanah Ayer kita.

Akhir-nya beta berharap perhimpunan ini akan berjalan dengan jaya-nya, dan akan dapat menamakan lebeh dalam lagi rasa tanggung griat dan penoh keikhlasan terhadap masharakat, Bansag dan Neraga, bagi menchapai chita2 kita untok membena satu Bangsa yang lebeh besar dan Masharakat yang aman ma'amor.



**PERTUSAN**  
**Y.T.M. PUAN SHARIFAH RODZIAH**

Sa-sungguh-nya sangat-lah sukacita saya menghucapkan selamat berjaya dengan riang gembira kepada Jawatankuasa Kerja Hari Wanita sa-bagai mengambil sempena hari yang istimewa ini ia-itu hari meng-hormati wanita yang julong2 kali-nya di-nyayakan di-Perserikutan Tanah Melayu ini.

Terutama sa-kali saya mengucapkan tahniah kepada semua pertubuhan dalam negara ini yang telah membuat chadangan hendak merayakan hari yang sa-umpama ini dan juga kerana mereka itu sekalian telah bersusah payah menghantar wakil2 mereka untuk menghadiri persidangan agong pada hari ini membicarakan kerja dan kepentingan wanita.

Pada masa chita2 hendak mengatakan suatu hari istimewa untuk wanita ini mntaz di-chadangkan banyak orang di-segenap pelusok negara ini telah tertarik hati kepada-nya. Sunkur-lah kita kerana pada hari ini kita telah dapat berkumpul beramai2 merayakan hari yang istimewa ini bagi kali yang pertama-nya. Tentang usaha mereka itu wanita2 Tanah Melayu patut-lah di-puji kerana ini menunjukkan ada-nya semangat perpaduan dan kerjasama yang menyatukan kita untuk mengkalikan keamanan dan kebahagiaan, kema'amoran dan kebahagiaan negara dan bangsa kita.

Tiada berapa tahun dahulu wanita2 Tanah Melayu tiada berapa tampl ka-hadapan mengambil bahagian dalam hal-ehwal negara. Mereka menumpukan perhatian mereka terutama sa-kali kepada soal rumah tangga dan kebaya mereka. Tetapi mengikut peredaran zaman keadaan yang demikian telah berubah. Wanita2 Tanah Melayu sekarang ini telah mnuhul ka-hadapan dan mengambil bahagian yang penting dalam ber-bagai2 lapangan. Sava sangat sukachita melihat perubahan in dan saya perbaya tiap2 orang wanita di-Tanah Melayu pun sa-pendapat dengan saya dalam perkara ini. Ada beberapa banyak pekerjaan yang boleh kita jalankan untuk faedah am dan kita semua suka dan sanggup membuat kerja2 itu.

Kita kaum wanita mempunyai resmi sa-mula jadi ia-itu dengan senang-nya dapat memahan dan mengamalkan perasaan tiada tamat' haloba dan mengorbankan kepentingan diri sendiri dalam penghidupan sa-hari2. Oleh yang demikian nyata-lah bahawa kita mempunyai sifat2 yang istimewa untok berkhidmat kepada negara. Saya tahu wanita2 Tanah Melayu ingin sungguh hendak menyambut seruan tanah ayer mereka dan saya berasa bangga melihat kerja2 baik yang telah puat2 laksanakan. Mudah-mudahan Tuhan akan melimpahkan rahmat dan rahm-nya ka-tas puant2 sekalian!



Y.T.M. PUAN SHARIFAH RODZIAH



Kuala Lumpur,  
18 hb. Ogos, 1962.

PUAN SHARIFAH RODZIAH

**PERUTUSAN**  
**Y.A.B. TUN ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN AL-HAJ**  
**TIMBALAN PERDANA MENTERI**

Pada hari yang berbahagia dan bersejarah ini, iaitu pada kali pertama-nya di-peringatkan dan di-akui dengan rasmi-nya di-Negara kita ini Hari Wanita, saya dengan perasaan yang sangat riang dan gembira mengambil kesempatan bersama2 menyambut dan mengagihkan hari yang chemerlang ini.

Kerajaan dan penduduk2 Tanah Melayu memang sedar betapa mustahak dan penting-nya peranan yang boleh di-lakukan oleh kaum wanita dalam usaha dan perkhidmatan membentuk bangsa dan negara kita yang muda dan baharu sahaja merdeka ini. Oleh sebab memandangkan betapa tinggi dan mustahak-nya sumbangan yang boleh di-beri oleh kaum wanita kita, saya berasa sangat bangga dan megah di-sebabkan dapat di-tentukan suatu hari perayaan bagi wanita di-sehuruh Tanah Melayu ini, dan saya harap Hari Wanita ini akan menjadi simbol untuk memberi galakan dan kemajuan2 yang berlebeh2 lagi kepada kaum wanita kita di-masa yang kahadapan.

Dalam lapangan pembangunan negara juga peranan kaum wanita kita sama juga dengan kaum laki2 bagi membaiki taraf hidup bangsa kita. Oleh itu saya berharap pada masa yang akan datang ini kaum wanita kita akan di-beri peluang yang lebeh besar dan luas lagi untuk menchrakkan usaha dan tenaga mereka itu bagi memajukan bangsa dan negara kita. Dalam negara yang muda seperti ini mustahak-lah kita semua mempunyai semangat yang kuat bagi membaiki keadaan hidup kita. Hanya-lah dengan ada-nya semangat yang semacham itu dan perasaan suka berkahendakkan kemajuan, baharu-lah kita boleh mendapat kemajuan2 dan perubahahan2 nasib yang kita chitakan itu.

Dengan yang demikian saya berdo'a moga2 Hari Wanita ini saterus-nya menjadi suatu hari yang chemerlang di-sisi bangsa kita dan moga2 maju-lah kaum wanita "Tiang Negara kita".



**TUN ABDUL RAZAK BIN HUSSAIN AL-HAJ**  
**TIMBALAN PERDANA MENTERI.**

Kuala Lumpur  
8 h.b. Ogos, 1962



**Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ**  
Perdana Menteri.



**Y.B. DATIN FATIMAH Bt. H.J. HASHIM, P.M.N.**  
Pengurus Jawatan Kuasa Hari Wanita.

**PERUTUSAN**  
**Y.B. Datin Fatimah bt. Hj. Hashim, P.M.N.**  
**Pengurus Jawatan Kuasa Hari Wanita**

Dengan lahirnya "Hari Wanita" pada 25hb. Ogos, 1962, maka Kaum Wanita di-negeri ini telah menchatikkan satu sejarah di-dalam perjuangan-nya terhadap perusahaan menuntut ke'adilan bagi kaum sa-jenis-nya dan bagi memperingatkan jasa2 perjuangan dan pengorbanan Kaum Wanita untok masharakat dan negara.

Di-tiap2 tahun kelak pada tarikh ini sakalian Kaum Wanita akan merayakan "Hari Wanita" di-seluruh Persekutuan Tanah Melayu bagi mengingati hari kebangunan dan kebangkitan Kaum Wanita Malaya pada mempersatukan perasaan, fikiran dan tenaga untok menuju ke-arah chita2-nya bagi meninggikan taraf kaum sa-jenis-nya.

Dari itu saya berharap tiap2 Kaum Wanita memberi sokongan dan kerjasama yang sepenoh-nya supaya tujuan yang suchi ini dapat di-jayakan serta di-hidupkan pada bila2 masa jua pun.



**DATIN FATIMAH Bt. HAJI HASHIM, P.M.N.**  
*Pengurus Jawatan Kuasa Perhimpunan*  
**HARI WANITA**

**JAWATANKUASA HARI WANITA  
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU**

*Pengerusi* .... Y.B. Datin Fatimah binti Haji Hashim, P.M.N.  
*Najib Pengerusi* .... Puan Aishah binti Abdul Ghani  
*Setia Usaha Agong* .... Puan F. R. Bhupalan  
*Setia Usaha (II)* .... Puan Rahimah binti Abdul Rahman  
*Bendahari* .... Puan Fatimah binti Hamid Don

2 Jawatankuasa ....	Puan Ustazah Salmah bt. Sheikh Hussein	Ahli2 Jawatankuasa ....	Datin V. T. Sambanthan
"	Puan Kamsiah Ibrahim, A.M.N., P.J.K.	"	Puan M. Majeed
"	Puan Jamilah Aziz	"	Puan Sukumari B. Sekhar
"	Puan Sawiyah Jahlil	"	Puan Lim Swee Sin
"	Puan Halimahton bt. Abdul Majid, J.M.N.	"	Puan Wan Shamsiah
"	Y.B. Puan Rahmah bt. Haji Kassim, A.M.N.	"	Puan L. Das Gupta
"	Puan Bthi Aishah bt. Hamid Don, A.M.N.	"	Puan Chew Kit Lin
"	Puan Rahmah bt. Mohammad Noor	"	Puan H. N. Tan
"	Dr. Salmah bt. Ismail	"	Puan P. Ratnasingam
"	Puan Bismillah Karim, A.M.N.	"	Puan Asiah Kamaruddin
"	Puan Raj Shammugam	"	Puan Mary See
		"	Puan Khatijah Ghazali
		"	Puan Darwisah bt. Darwis
		"	Puan Rokiah bt. Ahmad
		"	Puan A. McDaugall
		"	Puan Agnes Chow
		"	Puan Wan Choy Kiew

**JAWATAN KUASA KBRJA**

Datin Fatimah bt. Haji Hashim  
 Puan F. R. Bhupalan  
 Puan Aishah bt. Abdul Ghani  
 Puan Fatimah bt. Hamid Don  
 Puan Rahimah bt. Abdul Rahman  
 .... Enche Sopheie bin Sheikh Ibrahim



**PERUTUSAN  
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ  
PERDANA MENTERI**

Saya sangat sukachita mengetahui betapa besar-nya sumbuan yang di-beri kepada chadangan yang di-kemukakan pada awal tahun ini hendak menetapkan suatu hari yang istimewa untuk menghormati wanita2 Persekutuan Tanah Melayu dan saya menguchapakan tahniah dengan sa-penoh hati kepada Jawatan Kuasa Kerja Hari Wanita kerana mereka-lah yang mula2 membuat chadangan itu dan menjalankan usaha dengan bersungguh2 mengadakan perayaan ini.

Sa-sungguh-nya, chadangan hendak menetapkan suatu hari yang istimewa untuk memberi pujian kepada kaum wanita negara ini ia-lah satu chadangan yang sangat menggembirakan kerana mereka telah menjalankan peranan yang tinggi mutu-nya dalam usaha mengekalkan keamanan dan kebahagiaan dan mencapai kemajuan serta membena Tanah Melayu yang merdeka.

Saya berasa megah mengatakan bahawa wanita2 Tanah Melayu telah menyambut seruan tanah ayer mereka dengan semangat yang chemerlang. Pengaruh dan jasa2 baik mereka dapat di-lihat dalam segala segi penghidupan Tanah Melayu, dalam lapangan siasah dan musharakat, dalam perkhidmatan2 sukarela dan pertubuhan2 kebajikan, dalam lapangan pelajaran dan pendagangan, kebudayaan dan ugama dan juga dalam lapangan sukan. Mereka mendatangkan kebahagiaan kepada chara hidup di-negara kita ini dengan sifat2 rumah tangga dan keluarga yang terpuji seperti tekun, ta'at setia, tegoh hati dan pandai menggunakan fikiran waktu terdesak serta di-sulami pula dengan kechantekan dan kebijaksanaan mereka.

Oleh itu sudah sa-patut-nya-lah pada hari yang istimewa ini semua orang Tanah Melayu mengingatkan peranan yang di-jalankan oleh wanita2 kita dalam chara hidup di-negara ini. Kita sukachita memberi mereka penghormatan ini dan menguchapakan terima kasih atas segala usaha yang telah di-jalankan mereka untuk faedah kita dan negara. Bagi pehak semua keluarga dan seluruh negara saya memberi hormat kepada mereka.

TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ  
PERDANA MENTERI.

Kuala Lumpur,  
18 hb. Ogos, 1962.

# HARI WANITA

## ACHARA

25 hb. Ogos, 1962.

ISTIADAT PEMBUKAAN		MUTAMAR WANITA	
di-		di-	
Stadium Merdeka		Dewan Bahasa dan Pustaka	
7.40 pagi ....	Dhif2 mengambil tempat masing2.	10.00 pagi ....	Sidang Peleno Pengerusi Che Halimahton bt. Abdul Majid, J.M.N.
7.45 pagi ....	Ketibaan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Tun Haji Abdul Razak bin Hussein dan Toh Puan Raha.	Tajok 1.	Wanita dan Rumah Tangga oleh Ibu Azizah Ja'afar.
7.50 pagi ....	Ketibaan Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Puan Sharifah Rodziah.	Tajok 2.	Wanita dan Pekerjaan oleh Puan F. R. Bhupalan.
8.00 pagi ....	Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong (Tengku Badariah bt. Tengku Ismail) berangkat tiba.	Tajok 3.	Wanita dalam Pekerjaan Masharakat oleh Puan Aishah bt. Abdul Ghani.
8.05 pagi ....	D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong memeriksa Barisan Wakil2 Wanita.	Tajok 4.	Wanita dan Undang2 Masharakat oleh Enche Abdul Kadir bin Yusof.
8.10 pagi ....	Uchapan Yang Berhormat Datin Fatimah bt. Haji Hashim, P.M.N., Pengerusi Jawatankuasa Hari Wanita.	12.30 petang ....	JAMUAN MAKAN TENGAH HARI.
8.25 pagi ....	Istiadat Pembukaan Hari Wanita oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong.	2.00 petang ....	Kumpulan Membinchangkan Tajok2 1, 2, 3 dan 4.
8.30 pagi ....	Uchapan Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.	5.30 petang ....	Bola Sepak Wanita di-Stadium Merdeka.
8.45 pagi ....	Perisytiharan Hari Wanita oleh Yang Berhormat Datin Fatimah bt. Haji Hashim, P.M.N.	7.00 malam ....	JAMUAN MAKAN MALAM.
8.50 pagi ....	Lagu HARI WANITA.	8.30 malam ....	Sidang Peleno—Pengerusi Che Halimahton bt. Abdul Majid, J.M.N.
8.55 pagi ....	Doa' Selamat oleh Puan Ustazah Salmah bt. Sheikh Hussein.	11.30 malam ....	Penyata2 dan Ketetapan2 daripada Kumpulan2 Perbincangan itu.



NEGARA KU.

Dengan kemurahan hati Tuan Persurohjaya, Pencharagam Polis di-Raja Persekutuan ada turut hadir menyerikan Istiadat Pembukaan ini.



## JAWATAN KUASA KECIL

### ISTIADAT PEMBUKAAN

Y.B. Datin Fatimah bt. Hj. Hashim, P.M.N.  
Datin V. T. Sambanthan Puan Fatimah bt. Hamid Don  
Puan F. R. Bhupalan Che Sufiah Zainab bt. Dato' Yeop  
Osman  
Puan Rahimah bt. Abdul Rahman Puan Chong Yew Chong

### MUTAMAR WANITA

Puan Aishah bt. Abdul Ghani  
Datin V. T. Sambanthan Puan F. R. Bhupalan  
Puan Fatimah bt. Hamid Don Puan Halimatun bt. Abdul Majid

### SERANTA

Puan Aishah bt. Abdul Ghani  
Puan Bismillah Karim, A.M.N.  
Puan Fatimah bt. Hamid Don  
Puan Chen Fah Shin  
Puan Shammugam Raj

### RUMAH

Puan Bismillah Karim, A.M.N.  
Puan Goh Kwee Teng, A.M.N. Puan Siti Zahara, P.J.K.  
Puan Safiah bt. Abdillah Puan Haijiah Omar

### KENDERAAN

Puan Chew Kit Lin  
Puan Fatimah bt. Hamid Don Puan Bismillah Karim, A.M.N.  
Puan Helen Tan Puan Aishah bt. Abdul Ghani

### JURU-HEBAH

Puan Marina Merican

### BOLA-SEPAK WANITA

Puan Alexander  
Puan F. Fernando Puan Harbajan Kaur  
Puan Fonseka Puan Suriit Kaur  
Puan Skeltchy Puan Fadiah Mohd. Taib  
Puan Khatijah Ghazali Puan D. De Souza

### PEJABAT SETIA-USAHA

Puan F. R. Bhupalan  
Puan Sufiah Zainab bt. Dato Yeop Osman  
Puan Rahimah bt. Abdul Rahman  
Puan Raziah bt. Mohd. Dom  
Puan W. Fernando Puan Nita Hannay  
Puan P. Navarednam Puan Rohani bt. Hashim  
Puan Kamsiah bt. Ibrahim Puan Mary Samuel  
Puan Doris Tan Puan R. Sivaprasagam



Y.A.B. TUN ABDUL RAZAK BIN HUSSAIN AL-HAJ  
Timbalan Perdana Menteri.




## UCHAPAN PENGHARGAAN

Bagi pehak semua Pertubuhan Wanita yang mengambil bahagian di-Hari Wanita, Jawatankuasa Hari Wanita dengan sukachita-nya hendak menguchapkan satinggi2 terima kasih kepada:—

1. Duli yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong kerana dengan lompat kurnia baginda telah berkenan menchemar duli untuk mengishtiarkan pembukaan Hari Wanita.
2. Yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri, P.T.M., Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj kerana telah sudi beruchap di-upachara pengishtiaran Hari Wanita.
3. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu atas sokongan dan bantuan yang telah di-beri.
4. Yang Berhormat Menteri Luar Bandar kerana telah memberi peluang kepada wakil2 daripada Singapura, Brunai, Sabah dan Sarawak mengambil bahagian.
5. Lembaga Loteri Kebajikan dan Perkhidmatan Masyarakat atas derma-nya untuk Hari Wanita.
6. Tuan Pesuruhjaya Polis di-Raja Persekutuan Tanah Melayu atas kemurahan hati-nya membenarkan Pancharagam Polis di-Raja menyerikan di-upachara pengishtiaran Hari Wanita.
7. Jabatan2 Penerangan, Radio Malaya, Filem Negara dan akhbar2 di-atas kerjasama mereka.
8. Jabatan Perdana Menteri atas nasihat2 yang berguna.
9. Sharikat Berhad Nestle's Products (P.T.M.) kerana menyedia-kan minuman untuk wakil2 yang turut hadir dalam mu'tamar.
10. Tuan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka kerana men-berikan bangunan-nya di-gunakan untuk menjalankan mu'tamar, dan atas pertolongan2 dan nasihat2 yang berguna.
11. Sharikat Berhad Hagemeyer kerana menghadiah pensel2 kepada wakil2.
12. Perchetakan Ekonomi Berhad kerana membuat car stickers.
13. Gestetner (Eastern) Ltd. kerana memberi pinjam 2 buah mesin (duplicating machines).
14. Anggota2 Pertubuhan Wanita yang telah menolong men-jayakan Hari Wanita.
15. Sahabat2 handai yang telah menyokong menjayakan Hari Wanita.



## JAWATANKUASA HARI WANITA



Berdiri dari kiri: Puan2 Rahimah bt. A. Rahman, M. Majeed, Rokiah bt. Ahmad, R. Shanmugam, Darwisah bt. Darwis, B. Karim dan Y.B. Rahmah bt. Hj. Kassim.

Duduk dari kiri: Puan2 Uzazah Salmah bt. Sh. Hussein, Sawiyah Jalli, Halimah bt. Hamid Don, dan Bibi Aishah bt. Hamid Don, bt. Hj. Hashim, Aishah bt. A. Ghani, Chew Kit Lin, Fatimah bt. Jamilah Aziz, Rahmah bt. Mohd. Noor, S. Sekhar, Tidak hadir: Datin V. T. Sambanthan, Puan2 Kamariah Ibrahim, Jamilah Aziz, Rahmah bt. Mohd. Noor, S. Sekhar, Wan Shamsiah, L. Das Gupta, N. H. Tan, Ratnasingham, Mary See, Khattijah Ghazali, A. McDougall, Agnes Chow